

12/08/1997

Gerakan bincang tujuh cadangan

KUALA LUMPUR, Isnin - Persidangan Perwakilan Kebangsaan Parti Gerakan ke-26 akhir minggu ini akan membincangkan tujuh cadangan pindaan kepada perlembagaan parti itu.

Cadangan pindaan itu ialah mengenai tempoh layak dan kelulusan untuk seseorang anggota dibenarkan mengundi atau bertanding sebagai calon dalam pemilihan parti; melanjutkan tempoh jawatan dalam jawatankuasa perhubungan negeri; membenarkan setiausaha agung dan bendahari kebangsaan dilantik; dan menambah dua lagi timbalan setiausaha.

Dua lagi cadangan ialah memberi kuasa muktamad kepada Jawatankuasa Kerja Pusat (CWC) meluluskan calon untuk kerajaan tempatan dan pilihan raya dan memperbetulkan kesilapan pada Artikel 20.1(a), 25.1(a) dan 30.1(a) untuk diselarikan dengan Artikel 78.3 perlembagaan parti.

Cadangan itu akan dibentangkan oleh setiausaha agung parti Tan Sri Chan Choong Tak Sabtu ini.

Kenyataan Gerakan hari ini menyebut, persidangan itu akan dirasmikan Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang juga Pengerusi Barisan Nasional.

Mengikut cadangan pindaan itu, hanya mereka yang menjadi anggota untuk tempoh berterusan selama dua tahun atau yang sudah menerima kelulusan bertulis dari CWC akan dibenarkan mengundi atau menjadi calon pada pemilihan parti.

Jawatankuasa Pusat (CWC) juga akan mencadangkan setiausaha agung dan bendahari kebangsaan dilantik di kalangan anggota jawatankuasa itu oleh presiden parti dengan persetujuan jawatankuasa itu, dan bukan daripada kalangan perwakilan pada persidangan mereka. - Bernama.

(END)